

# CAVEL TABLET®

Carvedilol 25mg

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan *CAVEL*
2. Bagaimana *CAVEL* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *CAVEL*
4. Cara menggunakan *CAVEL*
5. Semasa menggunakan *CAVEL*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *CAVEL*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *CAVEL*

*CAVEL* mengandungi sejenis ubat yang dipanggil *carvedilol*. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil penghalang beta atau *beta-blocker*.

*CAVEL* digunakan untuk merawat penyakit berikut:

- Kegagalan jantung kronik.
- Tekanan darah tinggi (hipertensi).
- Angina (sakit dada atau ketidakselesaan yang berlaku apabila jantung anda tidak mendapat cukup oksigen).

## Bagaimana *CAVEL* berfungsi

*CAVEL* berfungsi dengan membuat saluran darah anda berehat dan mengendur.

Ini membantu untuk menurunkan tekanan darah anda.

Jika anda mempunyai kegagalan jantung kronik, pengenduran salur darah menjadikan lebih mudah untuk jantung anda untuk mengepam darah ke seluruh badan anda.

Jika anda mengalami angina, ini akan membantu menghentikan kesakitan dada.

Doktor anda mungkin memberi *CAVEL* bersama dengan ubat-

ubat lain untuk membantu merawat keadaan anda.

## Sebelum menggunakan *CAVEL*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil *CAVEL* jika:

- Anda alah kepada (hipersensitif) *carvedilol*.
- Anda pernah mengalami masalah nafas berdehrit akibat asma (lelah) atau penyakit lain paru-paru.
- Anda mengalami masalah cecair terkumpul dalam badan yang teruk (bengkak pada tangan, kaki dan pergelangan kaki) yang sedang dirawat dengan ubat suntikan ke dalam saluran darah (intravena).
- Anda mengalami masalah hati.
- Anda mengalami masalah jantung (contohnya 'jantung tersumbat' atau jantung berdenyut perlahan). *CAVEL* tidak sesuai bagi sesetengah pesakit yang mengalami sesetengah masalah jantung.
- Anda mempunyai tekanan darah yang sangat rendah.

Jika anda tidak pasti, hubungi doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *CAVEL*.

### - Sebelum mula menggunakan *CAVEL*

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *CAVEL* jika:

- Anda mempunyai masalah buah pinggang.
- Anda mempunyai penyakit kencing manis (paras gula tinggi dalam darah).
- Anda memakai kanta sentuh.
- Anda mempunyai masalah saluran darah (penyakit vaskular periferal).
- Anda pernah mengalami masalah tiroid.
- Anda pernah mengalami tindakbalas alahan yang teruk (contohnya, bengkak secara tiba-tiba, menyebabkan sukar

bernafas atau menelan, bengkak tangan, kaki dan pergelangan kaki atau ruam yang teruk).

- Anda mengalami tindakbalas alahan dan sedang menjalani rawatan.
- Anda mempunyai masalah peredaran darah pada jari-jari tangan dan kaki (dikenali sebagai fenomena Raynaud).
- Anda mempunyai masalah kulit yang dipanggil 'psoriasis', selepas mengambil ubat penghalang beta.
- Anda mempunyai jenis penyakit angina yang dipanggil 'angina varian Prinzmetal' (disebabkan oleh kekejangan yang menyempitkan arteri koronari dan mengurangkan pengaliran darah ke jantung).

Jika mana-mana di atas berkaitan dengan anda, atau jika anda tidak pasti, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil *CAVEL*.

- Jika mengambil ubat-ubat lain  
Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda telah atau sedang mengambil sebarang ubat-ubatan lain.

Ini termasuklah ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi dan ubat herba.

Ini adalah kerana ubat-ubatan ini boleh menjejaskan *CAVEL* dan ubat-ubatan itu sendiri mungkin boleh terjejas disebabkan olehnya.

Khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan yang berikut:

- Ubat-ubatan lain untuk merawat jantung atau tekanan darah termasuklah ubat diuretik, ubat penghalang saluran kalsium (contohnya diltiazem atau verapamil), digoxin.
- Agen pengurang katekolamin (contohnya reserpine dan ubat

penghalang monoamine oxidase (MAOIs) seperti isocarboxide dan phenelzine digunakan untuk merawat kemurungan.

- Ubat untuk merawat kencing manis seperti insulin atau metformin.
- Clonidine (ubat merawat tekanan darah tinggi, migraine dan gejala rasa panas ketika putus haid).
- Rifampicin (digunakan untuk merawat jangkitan kuman).

### Cara menggunakan CAVEL

- Berapa banyak perlu digunakan

#### *Kegagalan jantung kronik:*

Rawatan dengan CAVEL harus dimulakan oleh doktor pakar untuk merawat penyakit kegagalan jantung.

Ambil tablet anda ketika makan.

Biasanya dos permulaan ialah 3.125 mg dua kali sehari selama dua minggu.

Doktor akan meningkatkan dos anda perlahan-lahan sehingga 25mg dua kali sehari, untuk beberapa minggu. Jika berat anda melebihi 85kg, dos anda mungkin ditingkatkan kepada 50mg dua kali sehari.

Jika anda berhenti mengambil CAVEL selama lebih daripada dua minggu, laporkan kepada doktor anda. Doktor anda akan mengarahkan anda mengambil semula dos tersebut.

#### *Tekanan darah tinggi:*

Biasanya dos permulaan ialah 12.5 mg sekali sehari selama dua hari.

Selepas dua hari, biasanya dos yang perlu diambil ialah 25mg, sekali sehari.

Jika tekanan darah anda tidak terkawal, doktor akan meningkatkan dos anda perlahan-

lahan sehingga 50mg sehari, selama beberapa minggu.

#### *Angina:*

Pesakit dewasa:

Biasanya dos permulaan ialah 12.5mg dua kali sehari selama dua hari.

Selepas dua hari dosnya ialah 25mg, dua kali sehari.

Pesakit Warga Emas

Doktor anda akan menentukan kedua-dua dos permulaan dan dos jangka panjang yang terbaik untuk anda.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil CAVEL selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda tertinggal satu dos, ambil tablet tersebut sebaik teringat. Walau bagaimanapun jika ia telah hampir dengan dos seterusnya, langkau dos yang tertinggal.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos anda yang tertinggal sebelumnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil CAVEL lebih daripada sepatutnya atau ada orang lain yang terambil CAVEL anda, laporkan kepada doktor atau pergi ke hospital dengan segera. Bawa ubat tersebut bersama-sama dengan anda.

Jika anda mengambil tablet tersebut secara berlebihan, anda mungkin akan mengalami keadaan berikut: jantung berdenyut perlahan, rasa pening, sesak nafas, nafas berdehrit atau lesu.

### Semasa menggunakan CAVEL

- Perkara yang perlu dilakukan  
Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil CAVEL.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil CAVEL untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

#### *Pembedahan*

Jika anda akan menjalani pembedahan, maklumkan kepada doktor bahawa anda sedang mengambil CAVEL. Ini adalah kerana sesetengah ubat bius boleh menurunkan tekanan darah anda, dan ia akan menjadi terlalu rendah.

#### *Kehamilan dan Penyusuan bayi*

Jangan mengambil CAVEL jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan anak, melainkan atas arahan doktor anda.

#### *Memandu dan Mengendalikan mesin*

Anda akan berasa pening ketika mengambil CAVEL. Ini lebih berkemungkinan terjadi ketika awal rawatan atau jika rawatan anda berubah, dan juga apabila anda minum alkohol.

Jika ini berlaku kepada anda, jangan memandu atau

menggunakan apa-apa peralatan atau mesin.

Laporkan kepada doktor jika anda mengalami masalah lain yang menjejaskan pemanduan, penggunaan peralatan atau mesin ketika anda mengambil CAVEL.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, CAVEL boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Paling biasa

- Rasa pening
- Sakit kepala
- Rasa lemah dan letih
- Masalah jantung. Tanda-tandanya termasuklah sakit dada, keletihan, sesak nafas dan bengkak pada lengan dan kaki.
- Tekanan darah rendah. Tanda-tandanya termasuklah rasa pening.

Rasa pening, sakit kepala dan rasa lemah dan letih lazimnya kesan yang ringan dan selalunya berlaku pada awal rawatan.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan CAVEL**

- Penyimpanan  
Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal untuk

melindunginya daripada kelembapan dan cahaya.

Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu di bawah 25°C.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Jangan gunakan CAVEL selepas tarikh luput yang tercetak pada kotaknya.

- Pelupusan  
Jangan buang baki tablet anda. Sebaliknya, pulangkan baki tersebut kepada ahli farmasi untuk dilupuskan.

Simpan tablet tersebut jika doktor anda mengarahkannya.

### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk  
Tablet CAVEL 25 mg : Berbentuk bulat, berwarna kuning cair, diameter 7mm dengan tanda 'd' dan 'DUO/2' pada permukaannya.

Setiap kotak CAVEL 25mg mengandungi 30 & 100 biji tablet.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Carvedilol*

Bahan tidak aktif:

- *Colloidal silicone dioxide*
- *Sodium starch glycolate*
- *Microcrystalline cellulose*
- *Lactose monohydrate*
- *Quinoline Yellow Lake*
- *Magnesium stearate*
- *Povidone*

- Nombor MAL  
MAL04103435A

### **Pengilang**

DUOPHARMA (M) SDN BHD  
Lot 2599, Jalan Seruling 59,  
Kaw 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang,  
Selangor, Malaysia

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

DUOPHARMA (M) SDN BHD  
Lot 2599, Jalan Seruling 59,  
Kaw 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang,  
Selangor, Malaysia

### **Tarikh kemaskini RIMUP**

06/08/2014